

04/10/2003

Ketua Audit percaya pekerja bank terbabit klon cek

Hussain Said; Mohd Amin Jalil

SEREMBAN: Ketua Audit Negara, Datuk Dr Hadenan Abdul Jalil menyalahkan kelemahan dalam sistem institusi kewangan sehingga berlaku pengklonan cek membabitkan beberapa kerajaan negeri seperti terbongkar baru-baru ini.

Hadenan berkata penyelewengan itu jelas membabitkan banyak pihak termasuk di kalangan kakitangan bank dan jabatan terbabit.

"Mustahil ia boleh berlaku tanpa pembabitan pihak berkenaan. Kita mendapati sistem sedia ada tidak dilaksanakan dengan telus sehingga memberi ruang kepada individu tertentu untuk mengambil kesempatan melakukan penyelewengan.

"Pihak bank perlu mengawal selia kakitangannya supaya prosedur yang sedia ada dipatuhi dengan sebaiknya.

"Walaupun kes pengklonan ini tiada kaitan secara langsung dengan Jabatan Audit Negara iaitu hanya membabitkan jabatan pembayaran, jabatan ini melihat ia suatu perkara yang perlu diberi perhatian serius kerana membabitkan imej jabatan dan negara.

"Walaupun begitu, unit memantau memainkan peranan memastikan supaya pembayaran dibuat dengan betul oleh jabatan berkenaan," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan Sijil Bersih Bagi Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sembilan tahun 2002, di Dewan Theatrette, Wisma Negeri di sini, semalam.

Hadenan berkata institusi kewangan perlu memiliki sistem lebih telus dan bertanggungjawab bagi memastikan masalah penyelewengan cek milik kerajaan tidak berlaku lagi.

Pada 27 September lalu, Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, mendedahkan kira-kira 500 cek kerajaan negeri bernilai RM4 juta dipalsukan dengan RM3 juta daripadanya sudah ditunaikan, manakala bakinya RM900,000 lagi ditahan pembayarannya.

Kes yang sama turut berlaku di Melaka apabila Ketua Menterinya, Datuk Seri Mohd Ali Rustam mendedahkan kerajaan Melaka menjadi mangsa sindiket pemalsuan cek bank tempatan apabila 173 cek bernilai hampir RM1.3 juta diklon.

Berikutan itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin mengumumkan penubuhan badan khas oleh Kementerian Kewangan bagi menangani kes penyelewengan cek kerajaan.

Badan itu bertindak memantau urusan kerajaan selain menumpukan perhatian kepada badan berkanun dan syarikat milik kerajaan.

Adenan berkata, pihaknya menyarankan supaya setiap jabatan mematuhi peraturan dari segi simpanan rekod dan dokumen serta merekodkan semua fakta berkaitan dan mengawalinya untuk keselamatan.

Terdahulu ketika berucap pada majlis itu, Ketua Audit Negara itu berkata Sijil Bersih dikeluarkan untuk memberi dorongan kepada setiap jabatan menjalankan tugas dengan amanah bagi membolehkan Jabatan Audit Negara mengesahkannya.

Beliau berkata, sebelum ini banyak negeri tidak dapat menerima sijil berkenaan kerana mempunyai akauntibiliti yang tidak selaras dan kemas kini sehingga tidak dapat disahkan.

"Sehubungan itu, kita sudah menyarankan supaya langkah drastik diambil untuk menutup setiap akaun yang tidak aktif.

"Pengurusan kewangan yang baik adalah penting bagi sektor awam kerana soal kewangan sering kali mendapat perbincangan luas dari kalangan rakyat

selain memastikan kemakmuran negara terus terpelihara," katanya.